

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]**

TARIKH : 10 JUN 2014

RUJUKAN : 6827

SOALAN:

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) statistik yang menunjukkan bilangan sindiket yang mengeksploitasi kanak-kanak sebagai peminta sedekah di tempat awam yang telah Berjaya dibanteras; dan
- (b) apakah mekanisme yang diambil oleh Kerajaan bagi membanteras sindiket yang mengeksploitasi kanak-kanak sebagai peminta sedekah memandangkan keadaan ini semakin parah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam menangani masalah sindiket Kutipan Derma Haram dan eksploitasi manusia terutamanya kanak-kanak dan warga kelainan upaya, satu petugas khas telah ditubuhkan yang diketuai oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan dianggotai oleh PDRM, Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Jabatan Peguam Negara, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Agensi AntiDadah Kebangsaan, Jabatan Imigresen Malaysia, PLUS Malaysia Berhad, Petronas Services dan Majlis Kebajikan Kanak-Kanak Malaysia.

Tindakan yang akan diambil olehpetugas khas adalah :-

- i. Penguatkuasaan undang-undang yang sedia ada;**
- ii. Operasi bersepadu yang melibatkan pelbagai agensi;**
- iii. Semua kutipan derma mesti dikawal mengikut perundangan yang sedia ada; dan**
- iv. Mewajibkan semua sekolah Tahfiz didaftarkan di bawah Jabatan Agama Islam Negeri.**

Selain itu, pihak Kementerian Pembangunan Wanita dan Kemajuan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah menjalankan operasi bersepadu menyelamatkankanak-kanak dan OKU yang menjadi mangsa mengutip dana atau meminta sedekah di tempat awam dari semasa ke semasa masing-masing di bawah AktaKanak-Kanak 2001 danAkta Orang-Orang Papa 1977.

Kanak-kanak yang menjadi mangsa eksploitasi mengutip dana akan diselamatkan berdasarkan kepada perenggan 17(1)(k), Akta Kanak-Kanak 2001 dan ditempatkan di Tempat Selamat. Manakala mereka yang didapati mengeksploitasi kanak-kanak tersebut disiasat oleh pihak PDRM sebelum didakwa di bawahseksyen 32 Akta yang sama.

Bagi ibu atau bapa atau penjaga kepada kanak-kanak yang diselamatkan, mereka perlu menyempurnakan bon dengan perintah Mahkamah Bagi Kanak-Kanak di bawahperenggan 30(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 bagi memastikan mereka benar-benar melaksanakan tanggungjawab yang sewajarnya terhadap anak mereka.

Pada masa yang sama, pihak JAKIM turut meminta pihak berkuasa agama negeri untuk mengambil tindakan bagi membanteras aktiviti memungut dana atau derma yang mengeksploitasi kanak-kanak pelajar tahfiz dan anak-anak yatim seperti berikut:

- (a) mengeluarkan larangan kanak-kanak sekolah agama dan anak yatim mengutip derma dan membuat jualan amal;**
- (b) memberi bantuan kewangan kepada pihak-pihak yang memerlukan;**
- (c) penguatkuasaan secara bersepadu dipergiatkan lagi oleh pihak berkuasa agama negeri bersama agensi Kerajaan bagi menahan pihak-pihak yang mengeksploitasi kanak-kanak;**

- (d) mendaftarkan sekolah-sekolah agama, tahfiz dan anakyatim;**
- (e) pemantauan dan pengawalan sekolah agama, tahfiz dan rumah anak-anak yatim;**
- (f) penyelarasan dalam mekanisme memungut derma; dan**
- (g) publisiti dan kempen kesedaran agar masyarakat tidak mudah memberikan sumbangan kepada pihak-pihak yang tidak dikenali.**

Selain itu, pihak JAKIM telah menyediakan Pelan Tindakan Penguatkuasaan Menangani Isu Kutipan Derma di Kalangan Kanak-Kanak pada 10 Jun 2013. Pelan Tindakan ini akan digunakan untuk menyelaraskan secara bersepadu tindakan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan.